



**BAHAGIAN KHIDMAT PENGURUSAN  
JABATAN PENGAJIAN POLITEKNIK  
KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA**

Galeria PjH Aras 5  
Jalan P4W, Persiaran Perdana, Presint 4  
62100 Wilayah Persekutuan Putrajaya  
No. Tel : 03-8891 9000 No. Faks : 03-8891 9300  
Laman Web : <http://politeknik.gov.my>

**POLITEKNIK**  
Jabatan Pengajian Politeknik

KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA

Ruj. Kami : KPT/JPP/BKP/02/01/016 Jld.4(16)

Tarikh : 18 Julai 2013



Setiausaha Agung  
Kesatuan Perkhidmatan Perguruan Kebangsaan Malaysia  
13 & 15, Jalan Murai Dua  
Kompleks Batu, Off Jalan Ipoh  
**51100 KUALA LUMUR**

NUTP MALAYSIA
UNTUK
PERKHIDMATAN
29 JUL 2013
355

Tuan/Puan,

**PEMOTONGAN ELAUN KRITIKAL**

**NAMA** :

Dengan hormatnya saya diarah merujuk kepada surat tuan/puan rujukan (B)dlm.KPPK(IP) PP 5/(11-14)/(14) bertarikh 18 Jun 2013 mengenai perkara di atas.

2. Dimaklumkan bahawa, Jabatan ini telah meneliti surat rayuan yang dikemukakan oleh [REDACTED] yang berkhidmat di Jabatan Kejuruteraan Jentera, Politeknik Sultan Haji Ahmad Shah, Pahang. Semakan Jabatan ini mendapati beliau yang berkelulusan Sijil Maktab Perguruan bidang ketukangan yang dinaikkan taraf ke peringkat Diploma adalah kategori skim perkhidmatan Pegawai Perkhidmatan Pendidikan Lepas Diploma (PPPLD).

3. Sehubungan itu, Surat Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 17 Tahun 2007 (SPP Bil. 17/2007) di Para 4 (c) menyatakan telah menggugurkan dua (2) skim perkhidmatan dan satu disiplin iaitu ketukangan daripada senarai Perkhidmatan Kritikal iaitu:

(i) Tukang K1;

- (ii) Tukang K2;
- (iii) Pegawai Perkhidmatan Pendidikan Siswazah (ketukangan) dan
- (iv) Pegawai Perkhidmatan Pendidikan Lepas Diploma (ketukangan).

4. Untuk makluman, SPP yang sama Para 6 menyatakan, (2) skim perkhidmatan dan satu disiplin iaitu ketukangan digugurkan daripada senarai Perkhidmatan Kritikal sedia ada kerana tidak mencapai tahap kritikal yang ditetapkan. Sehubungan itu, pegawai adalah tidak layak dibayar elaun kritikal berdasarkan SPP tersebut.

5. Jabatan ini juga mengambil maklum bagi penambahbaikan skim perkhidmatan Pegawai Pendidikan Pengajian Tinggi (PPPT) ini dan akan dipanjangkan kepada Ketua Perkhidmatan untuk tindakan sewajarnya.

Sekian, terima kasih.

**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**

Saya yang menurut perintah,



**(AZIRIN BIN ABDUL AZIZ)**  
Bahagian Khidmat Pengurusan  
b.p Ketua Pengarah  
Jabatan Pengajian Politeknik  
Kementerian Pendidikan Malaysia

s.k.:

Jabatan Kejuruteraan Jentera  
Politeknik Sultan Haji Ahmad Shah  
25350 Semambu  
**PAHANG**